



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 9 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BUKAN BERAS TEMPATAN TAK LAKU, TAPI PEMBEKAL TAK HANTAR BEKALAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TELITI CADANGAN NAIKKAN HARGA BERAS, NEGARA, KOSMO, M/S – 6	
3.	KERAJAAN TELITI NAIK HARGA BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
4.	KERAJAAN KAJI NAIKKAN HARGA BPT KEPADA RM3.60 SEKILOGRAM, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	
5.	PENYELUDUPAN HAIWAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S - 19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	MADA DAPAT 10,000 HEKTAR TANAH PADI, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	HASIL PADI KEDAH TIDAK TERJEJAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	16

Bukan beras tempatan tak laku, tapi pembekal tak hantar bekalan

SHAH ALAM - Isu kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran ketika ini bukan disebabkan makanan ruji itu tidak laku tetapi berpunca daripada status penamatan subsidi yang tidak jelas.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, keadaan itu menyebabkan kebanyakan pembekal tidak lagi menghantar bekalan kerana masih menunggu perkembangan selanjutnya daripada pihak berkaitan.

Menurutnya, bekalan beras putih tempatan di Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) tiada sepenuhnya sejak beberapa hari lalu susulan tindakan pembekal berkenaan.

"Bekalan terakhir beras putih tempatan yang kita jual ialah pada 3 atau 4 September lalu kerana ia merupakan bekalan yang dihantar sebelum tarikh 31 Ogos. Selepas tarikh itu, pembekal sudah tidak menghantar lagi beras tempatan.

"Alasan diberikan, mereka tidak mendapat maklumat jelas mengenai pengumuman penamatan subsidi dan apakah langkah alternatif kepada penamatan subsidi tersebut. Adakah harga diapungkan atau bagaimana.

"Jadi, pembekal berhenti menghantar bekalan beras putih tempatan, mungkin menunggu tindakan selanjutnya daripada kerajaan kerana

masing-masing tidak tahu status sebenar," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohamad Sabu bahawa kementeriannya sedang membuat kajian secara mendalam berhubung beras tempatan yang kurang laku di pasaran ketika ini.

Pada 30 Ogos lalu, media melaporkan bahawa Kementerian Pertanian dan


Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menilai semula mekanisme baharu pembekalan beras putih susulan Program Khas Beras Putih Tempatan Bersubsidi tamat pada 31 Ogos 2025, bagi memastikan rakyat terus mendapat bekalan men-

cukupi pada harga berpatutan.

Menurut KPKM, penilaian itu mengambil kira penyelarasan harga Beras Putih Import pada RM2,600 satu tan metrik berkuat kuasa 15 Mei lalu serta langkah menangani pencampuran beras di pasaran.

Sementara itu, ditanya sama ada ketiadaan beras tempatan memberi kesan kepada pengguna, beliau berkata, rakyat masih ada banyak pilihan lain.

Menurutnya, ketika ini pengguna memilih beras import memandangkan perbezaan harga yang tidak terlalu ketara.



AMEER ALI

Teliti cadangan naikkan harga beras

- Kajian menyeluruh dijalankan, harga beras import turun
- Persatuan tuntutan harga dinaikkan
- tampung kos tinggi

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneliti permintaan menaikkan harga runcit beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 kepada RM3.60 sekilogram (kg).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kajian menyeluruh perlu dijalankan memandangkan harga beras import kini menurun sekali gus memberi kesan terhadap permintaan beras tempatan.

"(Kenaikan harga) tidak boleh dibuat dengan tergesa-gesa sebab perubahan harga akan sentiasa berlaku. Harga beras import sekarang memang murah dan kita sedang membuat kajian intensif," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Pengairan Dunia ke-4 (WIF4) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif



MOHAMAD (tengah) menunjukkan buku saliran alam sekitar pada Majlis Perasmian 4th World Irrigation Forum (WIF4) and 76th International Executive Council (IEC) Meeting di Kuala Lumpur semalam.

Antarabangsa ke-76 (IEC) di sini, semalam.

Terdahulu, Persatuan Pengiraiang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) menggesa kerajaan menaikkan harga runcit BPT kepada RM3.60 (kg) bagi menampung peningkatan kos operasi susulan harga lantai belian padi dinaik-

kan kepada RM1,500 satu tan metrik sejak 16 Februari lalu.

Tuntutan sama turut disuarakan Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) yang memaklumkan pengilang serta pemborong kini berdepan pelbagai kos tamba-

han. Sebelum ini, Mohamad Sabu menjelaskan Kementerian sedang menjalankan kajian mendalam mengenai jualan beras tempatan semakin merosot berikutan perbezaan harga dengan beras import tidak begitu ketara. Sementara itu, dalam perkemb-

Angan lain, Mohamad berkata,

dunia bakal berdepan cabaran kritikal melibatkan air dan makanan apabila populasi global dijangka mencecah 9.7 billion orang menjelang tahun 2050.

Menurutnya, bagi menampung keperluan populasi itu, pengeluaran makanan perlu ditingkatkan sekurang-kurangnya 50 peratus.

"Pertanian menggunakan kira-kira 70 peratus sumber air tawar dunia, namun perubahan iklim mengancam bekalan dan tahap kebolehpercayaannya.

"Menjelang 2030, permintaan global terhadap air dijangka melebihi bekalan sebanyak 40 peratus jika trend semasa berterusan," katanya.

Beliau menegaskan, dalam situasi genting itu, sistem pengairan tidak boleh diabaikan ketinggalan zaman, sebaliknya merupakan nadi kepada masa depan pertanian dan keterjaminan makanan global.

Menurut Mohamad, hanya 20 peratus tanah pertanian dunia menggunakan pengairan, namun ia menyumbang 40 peratus pengeluaran makanan dunia.

"Air bukan sahaja asas kehidupan, malah asas keselamatan, kemakmuran dan keamanan," katanya.

TARIKH

9/9/2025

MEDIA

KOSMO

RUANGAN

NEGARA

MUKA
SURAT

6

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Kerajaan teliti naik harga beras tempatan

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan meneliti permintaan agar kerajaan menaikkan harga runcit beras putih tempatan (BPT) kepada RM3.60 sekilogram berbanding RM2.60 ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak kementerian juga akan membuat kajian mengenai perkara itu disebabkan harga beras import yang menurun sekali gus mengurangkan permintaan terhadap beras tempatan.

"Kenaikan harga tidak boleh dibuat dengan tergesa-gesa sebab perubahan harga akan sentiasa berlaku. Harga beras import sekarang memang murah dan kita sedang membuat kajian intensif," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Forum Pengairan Dunia ke-4 (WIF4) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa ke-76 (IEC) di World Trade Centre, di sini, semalam.

Forum tersebut turut menghimpunkan 500 peserta dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada penggubal dasar, organisasi kerajaan, badan korporat, penyelidik dan komuniti petani, berlangsung sehingga 13 September ini.

Semalam, Persatuan Pengi-



MOHAMAD Sabu (tengah) menyempurnakan gimik perasmian Forum Pengairan Dunia di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

lang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) memohon kerajaan menaikkan harga runcit beras tempatan kepada RM3.60 sekilogram berbanding RM2.60 ketika ini.

Kenaikan itu selaras dengan peningkatan kos operasi dan harga rantai belian padi seban-

yak RM1,500 satu tan metrik sejak 16 Februari lalu.

Gesaan sama turut disuarakan oleh Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) yang menuntut kenaikan harga itu disebabkan pihak pengilang dan pemborong berdepan kos lain yang perlu di-

tanggung.

Baru-baru ini, Mohamad Sabu memaklumkan pihak kementerian sedang membuat kajian secara mendalam susulan beras tempatan yang kurang laku di pasaran, berikutan kadar harga tidak terlalu jauh berbeza dengan beras import.

Kerajaan kaji naikkan harga BPT kepada RM3.60 sekilogram

KPKM menilai cadangan pengilang, pesawah susulan harga beras import menurun

Oleh Saadiah Ismail
dan Hannah Norbaqqa
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menilai permintaan pengilang dan pesawah untuk menaikkan harga runcit Beras Putih Tempatan (BPT) daripada paras RM2.60 ketika ini kepada RM3.60 sekilogram.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kementerian membuat kajian mengenai perkara itu kerana harga beras import yang menurun, sekali gus mengurangkan permintaan terhadap beras tempatan.

"Kita sedang buat kajian dan meneliti perkara itu disebabkan harga beras import sekarang sudah menurun, namun kenaikan harga ini tidak boleh dibuat tergesa-gesa sebab perubahan harga akan sentiasa berlaku.

"Harga beras import sekarang memang murah dan kita sedang membuat kajian intensif," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Forum Pengaliran Dunia ke-4 (WIF4) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa ke-76 (IEC), di sini semalam.

Forum itu menghimpunkan 500 peserta dari dalam dan luar negara terdiri daripada penggubal dasar, organisasi kerajaan, badan korporat, penyelidik dan komuniti petani, berlangsung sehingga 13 September ini.

Kelmarin, Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM) mohon kerajaan menaikkan harga runcit beras tempatan kepada RM3.60 sekilogram berbanding RM2.60 ketika ini.

Kenaikan itu didakwa selaras peningkatan kos operasi dan harga lantai belian padi RM1,500 satu tan sejak 16 Februari lalu.

Gesaan sama turut disuarakan Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH) yang menuntut kenaikan harga itu disebabkan pihak pengilang dan pemborong berdepan kos lain yang



Mohamad melawat ruang pameran selepas merasmikan WIF4 dan IEC ke-76 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

perlu ditanggung.

Bekalan beras mencukupi

Sementara itu, dalam perkembangan kekurangan bekalan beras, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak, berkata perkara itu berlaku disebabkan pembelian secara spontan apabila rakyat mendapat bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Katanya, sebanyak empat juta BPT sudah diagihkan ke seluruh negara dan ia tidak perlu bimbang kerana mencukupi untuk keperluan rakyat.

"Cuma rakyat membeli mele-

bihi apa yang diperlukan untuk stok simpanan. Tidak perlu bimbang juga kerana ada sistem pengawasan penyampaian beras di seluruh negara.

"Apabila ada kekurangan di kawasan yang jauh, ia cuma perlu ditambah semula dan mengambil sedikit masa. Kalau di bandar-bandar besar, beras tempatan ini memang ada.

"Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara juga akan memantau sekiranya di mana-mana kawasan ada permintaan meningkat supaya menambah bekalan lebih awal," katanya.

Ibadat & Fadilat

Anas RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda:

"Luruskanlah saf kamu kerana sesungguhnya saf ialah sebahagian daripada mendirikan solat (dengan sempurna)." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:18	4:21	7:23	8:33
Alor Setar	6:02	1:18	4:20	7:23	8:32
P. Pinang	6:03	1:18	4:18	7:22	8:32
Ipoh	6:01	1:16	4:16	7:20	8:29
Kuala Lumpur	5:58	1:13	4:17	7:17	8:26
Shah Alam	5:58	1:13	4:17	7:17	8:26
Johor Bahru	5:51	1:05	4:10	7:08	8:17
Kuantan	5:53	1:08	4:11	7:11	8:20
Seremban	5:58	1:12	4:15	7:15	8:24
Bandar Melaka	5:57	1:11	4:16	7:14	8:23
Kota Bharu	5:55	1:11	4:12	7:15	8:21
K. Terengganu	5:51	1:07	4:07	7:11	8:21
Kota Kinabalu	4:59	12:15	3:16	6:20	7:29
Kuching	5:26	12:40	3:45	6:43	7:52

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/9/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

PENYELUDUPAN HAIWAN

Berisiko bawa penyakit berbahaya

Kuala Lumpur: Penyeludupan haiwan ternakan secara haram bukan saja mengganggu pasaran tempatan, malah membuka ruang kepada penularan penyakit berbahaya.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Datuk Jeffrey Ng berkata, ternakan yang dibawa masuk secara haram tanpa pemeriksaan kesihatan boleh menyebabkan risiko penyakit berbahaya serta mengganggu pasaran tempatan.

Katanya, jika ternakan dijangkiti penyakit, ia berisiko menyebabkan banyak kematian ternakan tempatan sekiranya dijangkiti, sekali gus menjejaskan bekalan daging dalam negara terutama menjelang musim perayaan.

"Kalau haiwan masuk secara haram, risiko sangat tinggi kerana kami tidak pasti tahap kesihatannya.

"Biasanya ternakan

tempatan kami kawal dengan lebih ketat kerana Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) ada pemantauan dan data berkaitan.

"Sekali-sekala bila ada yang masuk secara haram, kami tidak tahu sama ada ternakan itu sihat atau sebaliknya dan itu yang membimbangkan," katanya.

Beliau berkata, isu penyeludupan bukan sahaja membabitkan lembu tetapi juga haiwan ternakan lain seperti kambing, ayam serta itik yang didapati dibawa masuk secara tidak sah khususnya dari Thailand.

Jefferey berkata, haiwan ternakan import yang sah dan sihat amat penting bagi menjamin keselamatan makanan negara serta melindungi penternakan tempatan.

"Kami galakkan import yang sah kerana itu memastikan makanan lebih selamat, sebaliknya kalau tidak sah, risiko penyakit dan kerugian lebih tinggi," katanya.

MADA dapat 10,000 hektar tanah padi


- **Penggantian tanah pertanian akibat pembangunan**
- **ia telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan**

Oleh NUR ALWANI
ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dijangka memperoleh semula lebih 10,000 hektar tanah sawah baharu melalui cadangan pelepasan kawasan dikenali sebagai 'MADA Plus', susulan kehilangan lebih 15,000 hektar tanah pertanian utama di Kedah akibat pembangunan.

Pengerusinya, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, kawasan terjejas di Jitra, Kubang Pasu, Kota Setar dan Yan sebelum ini merupakan sebahagian daripada zon teras MADA seluas 100,000 hektar.

Namun jelasnya, ia telah diluluskan Kerajaan Persekutuan un-



GAMBAR fail kerja-kerja membajak sawah sedang dilakukan di Kampung Wang Tepus, Jitra, Kedah.

tuk pembangunan bandar oleh kerajaan negeri.

"MADA Plus ini adalah kawasan luar (seliaan) MADA dan skim pengairannya di bawah Jabatan Pengairan Saliran (JPS) jadi kawasan ini kita telah pohon

ada 39 (kawasan) skim berjumlah 10,038.4 hektar.

"MADA Plus ini ada (sebagai) 39 skim, (daripada jumlah itu) lima skim sudah di peringkat akhir untuk kita dapat kelulusan exco melibatkan jumlah 1,531.4

hektar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Forum Pengairan Dunia ke-4 (WIF4) dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Antarabangsa ke-76 (IEC) di sini, se-

malam.

Dr. Ismail menjelaskan kawasan yang diurus JPS itu, terletak di beberapa daerah termasuk Pokok Sena dan sebahagian Kubang Pasu, kini berada di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan belum diiktiraf sebagai sebahagian daripada zon MADA.

Katanya, walaupun Kabinet telah bersetuju dengan permohonan Kedah untuk membangunkan tanah asal MADA, usaha berterusan tetap dijalankan bagi mengekalkan keluasan sawah padi melalui inisiatif MADA Plus.

Semalam, MADA memaklumkan pihaknya mengenal pasti hampir 10,000 hektar kawasan tanaman padi di bawah seliaan-nya, yang berpotensi untuk digantikan dengan pembangunan lain termasuk perumahan dan industri.

Ketika ini, MADA memiliki kira-kira 100,000 hektar kawasan padi dan telah menjalankan usaha meluaskan kawasan itu termasuk di luar MADA.

Hasil padi Kedah tidak terjejas

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Hasil pengeluaran padi dari Kedah tidak merosot meskipun negeri ini mengurangkan kawasan jelapang padinya kelak.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA), Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, pihaknya sudah mengambil inisiatif awal untuk menambah keluasan sawah padi kendaliannya sebelum kelonggaran itu diberikan.

Katanya, beberapa pertubuhan peladang kawasan (PPK) luar MADA akan menjadi sebahagian dari kawasan jelapang padi baharu tidak lama lagi.

"Keluasan jelapang padi kini adalah kira-kira 100,000 hektar dan akan ada pertambahan sekitar 3,000 hektar lagi untuk dijadikan kawasan MADA baharu, selain kami akan berusaha untuk memastikan lebih banyak kawasan luar jelapang lain turut berada di bawah kendalian MADA.

"Jadi, sekiranya pembangunan di sawah yang dibenarkan tidak bermula lagi atau masih lambat dan belum buat projek perumahan atau industri, ini bermakna kawasan MADA semakin besar dan kalau misalnya pembangunan 3,000 hektar selepas ini kita hanya kembali kepada keluasan asal 100,000 hektar.

"Dengan cara ini, ia tidak akan menjejaskan pengeluaran hasil padi di kawasan jelapang kerana kawasan gantian itu boleh menampung hasil setara dengan sawah yang mungkin terlibat pembangunan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan kira-kira 10,000 hektar sawah dalam kawasan jelapang padi Kedah dikenal pasti berpotensi untuk ditebus guna atau ditukar status kepada komersial bagi tujuan perumahan atau industri.

Ia terletak di sekitar Alor Setar dan Jitra hasil pemetaan dibuat pejabat daerah terlibat.

Ia susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memaklumkan persetujuan Kabinet untuk membenarkan pengurangan kawasan sawah di Kedah hasil rundingan bersama kerajaan negeri.



ISMAIL SALLEH

Kerajaan juga sedang merancang jelapang-jelapang padi baharu negara seperti di Sabah dan Sarawak yang kesemua usaha itu bagi memastikan keterjaminan makanan negara."

ISMAIL SALLEH

Mengikut rekod Jabatan Perangkaan, jumlah pengeluaran padi di Kedah bagi 2023 adalah kira-kira 982,443 tan metrik yang menyumbang 44.8 peratus daripada pengeluaran keseluruhan negara sekitar 2.18 juta tan metrik.

Di peringkat daerah, Kubang Pasu mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 283,054 tan metrik atau 12.9 peratus pada tahun sama, diikuti Kota Setar, 237,766 tan metrik dan Pendang, 162,903 tan metrik.

Dr. Ismail berkata, kerajaan juga sedang merancang jelapang-jelapang padi baharu negara seperti di Sabah dan Sarawak bagi memastikan keterjaminan makanan negara.

"Walaupun mungkin kawasan penanaman padi utama MADA di bandar akan berlaku pembangunan tetapi kawasan-kawasan baharu lain akan menggantikannya," katanya.